



02 AUG, 2024

Rampas 200 kereta bernilai RM27.45j

Harian Metro, Malaysia



KASTAM RAMPAS KENDERAAN TIADA PERMIT IMPORT

KONTENA 'PANAS' RM27 JUTA

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 231 kenderaan mewah termasuk kereta elektrik dengan nilai keseluruhan lebih RM27 juta yang cuba diseludup masuk ke negara ini dari sebuah negara Asia Timur melalui laluan laut. Rampasan dibuat susulan pemeriksaan ke atas 87 kontena di Pelabuhan Klang dan semakan mendapati kenderaan berkenaan tidak mempunyai permit import. *lapor Raja Noraina Raja Rahim*

MS2



02 AUG, 2024

Rampas 200 kereta bernilai RM27.45j

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 3

Rampas 200 kereta bernilai **RM27.45j**

JKDM gagal cubaan seludup kenderaan guna 87 kontena

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Klang

Lebih 200 kenderaan mewah dan kenderaan elektrik bernilai lebih RM27.45 juta dirampas apabila cuba diseludup ke negara ini dari sebuah negara di Asia Timur melalui laluan laut.

Kesemua kenderaan yang dibawa menggunakan 87 kontena itu dikesan menerusi serbuan di Zon Bebas, Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang, di sini, pada 25 Jun dan 27 Jun lalu.

Dalam serbuan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), antara kenderaan dirampas adalah kenderaan pelbagai guna (MPV) Toyota Alphard, kereta Mini Cooper dan Cherry Omoda.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, rampasan pertama memabitkan 70 kontena mengandungi kenderaan pelbagai jenis dengan anggaran nilai dan duti cukai berjumlah lebih RM22.66 juta.

"Dalam pemeriksaan pada 25 Jun lalu, pasukan menemukan 200 kenderaan dipercayai tidak mempunyai permit import."

"Pihak pengimport mengikrar dagangan sebagai 'Cherry Passenger Car' melalui Borang Manifes, tetapi tidak mempunyai permit import," katanya dalam



sidang media di Pejabat Kastam Pelabuhan Utara, di sini, hari ini.

Dalam serbuan kedua pada 27 Jun lalu, Norlela berkata, Bahagian Penguatkuasaan JKDM Zon Tengah membuat penahanan ke atas 17 kontena di Zon Bebas, Pelabuhan Utara.

Katanya, hasil pemeriksaan menemukan 31 kenderaan dipercayai tidak mempunyai permit import dengan nilai dagangan dianggarkan RM1.79 juta dan duti cukai berjumlah RM3 juta.

"JKDM masih menjalankan siasatan lanjut mengenai rampasan itu dan setakat ini, kita sudah merakam keterangan beberapa individu bagi membantu siasatan."

"Siasatan awal, kesemua kenderaan itu bagi pasaran tempatan, namun ia dibawa masuk ke negara ini tanpa permit import," katanya.

Katanya, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967. Justeru, beliau meminta orang ramai membantu

menyalurkan maklumat kepada JKDM bagi memerangi jenayah penyeludupan dengan menghubungi Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855 atau Pejabat Kastam berdekatan.

Beliau memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat dirahsiakan.



02 AUG, 2024

Rampas 200 kereta bernilai RM27.45j

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

KASTAM RAMPAS KENDERAAN TIADA PERMIT IMPORT

KONTENA‘PANAS’ RM27JUTA PAN

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 231 kenderaan mewah termasuk kereta elektrik dengan nilai keseluruhan lebih RM27 juta yang cuba diseludup masuk ke negara ini dari sebuah negara Asia Timur melalui laluan laut.